



7 Mac 2018
7 March 2018
P.U. (A) 72

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN ORGANISASI ANTARABANGSA (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) (PERTUBUHAN GERAKAN PENGAKAP SEDUNIA) 2018

INTERNATIONAL ORGANIZATIONS (PRIVILEGES AND IMMUNITIES) (THE WORLD ORGANIZATION OF THE SCOUT MOVEMENT) REGULATIONS 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA ORGANISASI ANTARABANGSA (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 1992

PERATURAN-PERATURAN ORGANISASI ANTARABANGSA (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) (PERTUBUHAN GERAKAN PENGAKAP SEDUNIA) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) dan 4(1) dan seksyen 11 Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1992 [*Akta 485*], Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) (Pertubuhan Gerakan Pengakap Sedunia) 2018**.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Pegawai” ertinya pegawai Pertubuhan Gerakan Pengakap Sedunia yang dinyatakan dalam Jadual;

“Setiausaha Agung” ertinya orang yang dilantik oleh Ahli Jawatankuasa Pengakap Sedunia dan merupakan ketua pegawai tadbir Pertubuhan Gerakan Pengakap Sedunia; dan

“WOSM” ertinya “Pertubuhan Gerakan Pengakap Sedunia” yang ditadbir oleh perlembagaannya dan wakil-wakil yang diiktiraf oleh Anggota Pertubuhan yang telah mengamalkan dan mempraktikkan Pergerakan Pengakap yang diasaskan pada 1907, yang telah berhimpun di Paris, Perancis, pada Julai 1992 dan telah menubuhkan Persidangan Pengakap Antarabangsa bagi menyelaraskan Pergerakan Pengakap di seluruh dunia bersama-sama dengan Jawatankuasa Eksekutif dan Sekretariat.

Pengisytiharan WOSM sebagai organisasi antarabangsa

3. WOSM diisytiharkan menjadi suatu organisasi antarabangsa yang baginya seksyen 4 Akta terpakai.

Keperibadian juridikal

4. WOSM hendaklah mempunyai keperibadian juridikal dan hendaklah mempunyai keupayaan—

- (a) untuk membuat kontrak;
- (b) untuk memperoleh dan melupuskan harta alih dan harta tak alih; dan
- (c) untuk memulakan dan menjadi pihak kepada prosiding undang-undang.

Keistimewaan WOSM

5. (1) WOSM hendaklah mempunyai keistimewaan yang dinyatakan dalam perenggan 5, 6 dan 7 Jadual Pertama Akta.

(2) WOSM hendaklah bekerjasama pada setiap masa dan hendaklah memastikan Pegawai bekerjasama pada setiap masa dengan pihak berkuasa Kerajaan Malaysia bagi memudahkan pentadbiran keadilan yang sewajarnya, menjamin pematuhan undang-undang domestik dan mencegah berlakunya apa-apa salah guna keistimewaan yang diperuntukkan di bawah Peraturan 5 dan 6.

Keistimewaan Pegawai

6. Seseorang Pegawai, selain warganegara atau penduduk tetap Malaysia, hendaklah mempunyai keistimewaan yang dinyatakan dalam perenggan 2 dan 7 Bahagian I Jadual Keempat Akta.

JADUAL
PEGAWAI PERTUBUHAN GERAKAN PENGAKAP SEDUNIA
[Peraturan 2]

1. Setiausaha Agung
2. Pengarah Pembangunan Kegiatan Pengakap Sedunia
3. Pengarah Pembangunan Organisasi Sedunia
4. Pengarah Hubungan Luar Sedunia
5. Pengarah Kewangan dan Pentadbiran Sedunia
6. Pengarah Eksekutif
7. Penasihat
8. Pengarah Sumber Dewasa
9. Pengarah Acara Dunia
10. Pengarah Program Belia
11. Pengarah Urusan Digital
12. Pengurus Perlembagaan dan Hal Ehwal Undang-Undang
13. Pengurus Pembangunan Keupayaan
14. Pengurus Program Utusan Keamanan
15. Pengurus Seni, Reka Bentuk, Penjenamaan dan Audio-visual
16. Pengurus Hubungan Luar
17. Pengurus Penilaian Impak
18. Pengurus Perhubungan
19. Pengurus Akaun
20. Eksekutif Kewangan
21. Pengurus Perhubungan (Utusan Keamanan)

- 22. Pengurus Sumber Manusia
- 23. Pengurus Projek
- 24. Penolong Eksekutif

Dibuat 8 Februari 2018
[KBS.S.BA.2-27; PN(PU2)507/IV]

DATO' SRI ANIFAH BIN HJ. AMAN
Menteri Luar Negeri

Saya bersetuju,
Bertarikh 12 Februari 2018

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Menteri Kewangan Kedua

INTERNATIONAL ORGANIZATIONS (PRIVILEGES AND IMMUNITIES) ACT 1992

INTERNATIONAL ORGANIZATIONS (PRIVILEGES AND IMMUNITIES) (THE WORLD ORGANIZATION OF THE SCOUT MOVEMENT) REGULATIONS 2018

IN exercise of the powers conferred by subsections 3(1) and 4(1) and section 11 of the International Organizations (Privileges and Immunities) Act 1992 [*Act 485*], the Minister, with the concurrence of the Minister of Finance, makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as **International Organizations (Privileges and Immunities) (The World Organization of The Scout Movement) Regulations 2018**.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

"Officer" means the officer of the World Organization of the Scout Movement specified in the Schedule;

"Secretary General" means the person appointed by the World Scout Committee and is the chief administrative officer of the World Organization of the Scout Movement; and

"WOSM" means the World Organization of the Scout Movement which is governed by its constitution and the accredited representatives of Member Organizations which had adopted and practiced the Scout Movement founded in 1907, assembled in Paris, France, in July 1992 and established the International Scout Conference for the coordination of the Scout Movement throughout the world together with an Executive Committee and a Secretariat.

Declaration of WOSM to be an international organization

3. WOSM is declared to be an international organization to which section 4 of the Act applies.

Juridical personality

4. WOSM shall have juridical personality and shall have the capacity—

(a) to contract;

(b) to acquire and dispose immovable and movable property; and

(c) to institute and be party to legal proceedings.

Privileges of WOSM

5. (1) WOSM shall have the privileges specified in paragraphs 5, 6 and 7 of the First Schedule of the Act.

(2) WOSM shall cooperate at all times and shall procure that the Officer co-operate at all times with appropriate authority of the Government of Malaysia to facilitate the proper administration of justice, to secure the observance of domestic legislation and to prevent the occurrence of any abuse in connection with the privileges accorded under Regulations 5 and 6.

Privileges of Officer

6. An Officer, other than a citizen or permanent resident of Malaysia, shall have the privileges specified in paragraphs 2 and 7 of Part I of the Fourth Schedule of the Act.

SCHEDULE

OFFICER OF THE WORLD ORGANIZATION OF THE SCOUT MOVEMENT

[Regulation 2]

1. Secretary General
2. Global Director Scouting Development
3. Global Director Organizational Development
4. Global Director External Relation
5. Global Director Finance and Administration
6. Executive Director
7. Advisor
8. Director Adult Resource
9. Director World Event
10. Director Youth Programme
11. Manager Digital Engagement
12. Manager Constitution and Legal Affair
13. Manager Capacity Development
14. Manager Messenger of Peace Programme
15. Manager Art, Design, Branding and Audio-visual
16. Manager External Relation
17. Manager Impact Assessment
18. Manager Communication
19. Manager Account
20. Finance Executive
21. Manager Communication (Messenger of Peace)

- 22. Human Resource Manager
- 23. Project Manager
- 24. Executive Assistant

Made 8 February 2018
[KBS.S.BA.2-27; PN(PU2)507/IV]

DATO' SRI ANIFAH BIN HJ. AMAN
Minister of Foreign Affairs

I concur,
Dated 12 February 2018

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Second Minister of Finance